



كامر كتوا حاكم شرعي محكمه شرعية نكري ملاك

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA

KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH MELAKA,
JALAN AYER KEROH LAMA, HANG TUAH JAYA,
75450 MELAKA

Tel. Pejabat : 06-233 2050

Fax : 06-231 1275

Laman Web : www.mahsyariahmelaka.gov.my

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3 ()

Tarikh : 05 Januari 2017

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.1 TAHUN 2017

Pelaksanaan Perintah Bersaling Khusus Untuk Kes Mal

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada Surat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bertarikh 30 Januari 2012, rujukan: JKSM.BPKR/100-41/10/2(2) dan keputusan Muzakarah Hakim Syarie Negeri Melaka Bil.2 tahun 2016 pada 1 hingga 3 Oktober 2016 di Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Pelaksanaan Perintah Bersaling Khusus untuk kes Mal hendaklah mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia seperti berikut :
 - 1.1 Mahkamah Penerima menggunakan satu format seragam untuk merekodkan Perintah Luar Bidang Kuasa (PLBK) Yang Diterima dari Mahkamah Syariah Negeri Seluruh Malaysia (**Format Rekod Perintah Luar Bidang Kuasa (PLBK) Yang Diterima adalah seperti di Lampiran A**).
 - 1.2 Mahkamah Pengeluar menggunakan satu format seragam untuk merekodkan Perintah Luar Bidang Kuasa (PLBK) yang dikeluarkan untuk Mahkamah Syariah Negeri Seluruh Malaysia (**Format Rekod Perintah Luar Bidang Kuasa (PLBK) Yang Dikeluarkan adalah seperti di Lampiran B**).
 - 1.3 Mahkamah Penerima hendaklah memastikan setiap dokumen saman / waran / PLBK adalah lengkap dan disertakan dengan PLBK dari Mahkamah Pengeluar. Pihak-pihak perlu memohon kepada Mahkamah Pengeluar untuk penyampaian PLBK terlebih dahulu dan Mahkamah Pengeluar perlu sertakan PLBK tersebut kepada Mahkamah Penerima melalui surat iringan kepada Mahkamah Penerima (bukan melalui surat iringan oleh Peguam).
 - 1.4 Bagi kes Perintah Bersaling yang diwakili Peguam, yang berhasrat menghantar terus perintah tersebut ke Mahkamah Penerima, maka Pendaftar hendaklah memastikan Peguam tersebut meminta terlebih dahulu perintah bertulis daripada Mahkamah Pengeluar PLBK dan surat iringan dari Mahkamah Pengeluar untuk dihantar ke Mahkamah Penerima untuk pengendorsan.

- 1.5 Mahkamah Pengeluar hendaklah memastikan waran tangkap yang melibatkan Perintah Bersaling (bagi kes Mal) disertakan juga dengan PLBK. Waran tangkap ini hendaklah ditujukan kepada Mahkamah Penerima dan diendorskan terlebih dahulu oleh Mahkamah yang melaksanakan sebelum diserahkan kepada Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama (KPPA) / Polis.
 - 1.6 Memastikan PLBK dihantar ke Mahkamah yang berbidangkuasa mengikut hirarki. Contohnya PLBK bagi Mahkamah Rendah bolehlah dihantar ke Mahkamah Rendah atau Mahkamah yang lebih tinggi, manakala PLBK Mahkamah Tinggi hendaklah dihantar ke Mahkamah Tinggi dan tidak boleh dihantar ke Mahkamah Rendah. Satu salinan PLBK juga hendaklah dihantar kepada Ketua Pendaftar Negeri masing-masing untuk direkodkan.
 - 1.7 Memastikan sekurang-kurangnya seorang Hakim sentiasa ada di pejabat untuk tujuan pengendorsan PLBK.
 - 1.8 Menggunapakai format pengendorsan yang seragam bagi semua Mahkamah Syariah Negeri seluruh Malaysia (**Format Pengendorsan adalah seperti di Lampiran C**).
 - 1.9 Pendaftar hendaklah memastikan wang jaminan diambil oleh Mahkamah Penerima dan dimasukkan ke dalam **Akaun Deposit bagi Perintah Bersaling Mahkamah Penerima**.
2. Semua Mahkamah hendaklah melaksanakan pengurusan perintah bersaling seperti garis panduan tersebut.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka

LAMPIRAN C

ENDORSMEN PERINTAH BERSALING

Saman / Waran / Perintah Kes Mal Bil.Tahun
yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah / Tinggi / Rayuan Syariah
di.....di Negeri.....hendaklah disampaikan /
dilaksanakan dalam Negeri Melaka.

.....
Hakim
Mahkamah Tinggi / Rendah Syariah
Negeri Melaka